

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]**  
**SOALAN : Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**  
**TANI** menyatakan penambahbaikan yang telah dibuat bagi memperkemas strategi pemasaran produk pertanian secara kecil-kecilan agar golongan petani kecil-kecilan ini tidak terpinggir dan mampu memperoleh pendapatan yang sewajarnya.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah mengambil mengambil langkah-langkah bagi menambahbaik strategi pemasaran produk pertanian secara kecil-kecilan agar golongan petani kecil-kecilan ini tidak terpinggir dan mampu memperoleh pendapatan yang sewajarnya. Langkah tersebut adalah merangkumi aspek berikut:

- i. Menggalakkan petani menyertai program ladang kontrak;
- ii. Menggalakkan petani/pengeluar memasarkan secara terus produk keluaran mereka ke pasaran;
- iii. Membantu menangani buah-buahan bermusim;

Program Ladang Kontrak telah diwujudkan sejak tahun 2006 dan berterusan sehingga sekarang. Program ini dilaksanakan secara bersepadu di antara Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani dengan objektif seperti berikut:

- i. Menjamin pasaran & meningkatkan pendapatan pengeluar;
- ii. Mempertingkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran;
- iii. Memastikan pengeluaran hasil pertanian yang berkualiti dan menepati kehendak pasaran;
- iv. Mempertingkatkan pemindahan teknologi di sepanjang rantaian bekalan.

Dengan menyertai Program Ladang Kontrak, petani-petani akan mendapat faedah-faedah seperti berikut:

- i. Petani mendapat jaminan pasaran ke atas produk yang dikeluarkan;
- ii. Menjana dan menambah pendapatan;
- iii. Jaminan bantuan khidmat nasihat teknikal dan pengurusan ladang yang lebih sistematik daripada Jabatan & Agensi;
- iv. Jaminan kemudahan kredit input kepada ahli Pertubuhan Peladang Kawasan;
- v. Menikmati peluang kursus dan latihan untuk meningkatkan motivasi serta pengetahuan dalam bidang pertanian.

Pencapaian program Ladang Kontrak pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Pencapaian</b>
<b>Luas (ha)</b>	7,500	7,915
<b>Peserta (orang)</b>	4,500	4,777
<b>Pengeluaran (MT)</b>	330,000	344,167
<b>Nilai (RM)</b>	660,000,000	688,333,264

Manakala sasaran Program Ladang Kontrak 2015 dan pencapaian berakhir 31 Mac 2015.

Perkara	Sasaran (2015)	Pencapaian
Luas (ha)	6,800	1,930
Peserta (orang)	3,539	817
Pengeluaran (MT)	350,000	94,432
Nilai (RM)	700,000,000	188,864,176

Pada masa ini usaha sedang giat dilaksanakan untuk menambah penyertaan petani dalam program ini dan menikmati faedah yang telah disediakan. Selain itu, petani/pengeluar juga digalakkan untuk menjual terus hasil produk mereka ke outlet-outlet pasaran yang disediakan seperti 585 Pasar Tani, 520 Gerai Buah-buahan Segar (GBBS), 355 Agrobazaar Kedai Rakyat, 158 Agrobazaar K-Shoppe. Melalui kaedah ini juga, petani akan mendapat pulangan sekurang-kurangnya sebanyak 60% daripada setiap ringgit pengguna. Berdasarkan kajian penilaian outcome yang telah dibuat bagi projek Pasar Tani, didapati purata peningkatan pendapatan usahawan Pasar Tani adalah pada kadar 184.65%. Berdasarkan kajian penilaian outcome yang telah dibuat bagi projek GBBS, didapati purata peningkatan nilai jualan adalah pada kadar 40.63% setahun. Manakala purata peningkatan pendapatan bersih bulanan usahawan pemasar GBBS adalah pada kadar 92% sebulan. Semasa musim buah-buahan, FAMA juga membantu petani-petani kecil memproses buah-buahan mereka di 6 pusat pemprosesan seperti di Jerantut, Batu Kurau, Tangkak, Machang untuk dijadikan pes dan tempoyak. Pada tahun 2015, FAMA telah membuat sasaran untuk memproses sebanyak 2,350 MT durian segar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ**  
**[ JERLUN ]**

**SOALAN : 6**

**Dato' Othman Bin Aziz [ Jerlun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang dibangunkan disasarkan kepada golongan mana dan nyatakan perkembangan terkini projek berkenaan.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pembangunan sebanyak 20,000 unit Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) dalam masa lima (5) tahun bermula dari tahun 2013 adalah sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di perhimpunan Generasi Baharu FELDA pada 11 November 2012 di UiTM Shah Alam. PGBF ini bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan sasar iaitu generasi baharu FELDA yang layak memiliki rumah yang sesuai dengan kemampuan selain melaksanakan tanggungjawab sosial FELDA.

Justeru selepas pengumuman oleh YAB Perdana Menteri, sebanyak 8,570 unit rumah PGBF telah dilaksanakan di beberapa buah rancangan FELDA seluruh negara. Seterusnya adalah dijangkakan sebanyak 2,150 unit rumah PGBF akan dapat disiapkan untuk tahun 2015.

Sekian, terima kasih.